


Perahu karam sekerat

DALAM sistem pentadbiran Adat Perpatih soal keadilan, kejujuran dan keikhlasan amat dititikberatkan dalam menjalankan satu-satu tugas. Ia bukan saja mengenai wang ringgit tetapi memegang amanah dalam satu-satu tugas yang diberikan kepada seseorang dengan penuh rasa tanggungjawab serta kesempurnaan.

Misalnya seseorang yang telah dilantik menjadi ketua seperti Buapak, Lembaga dan Penghulu dalam satu-satu suku atau waris, masing-masing ada tugas yang ditentukan seperti kata pepatahnya:

Beruang-ruang bak durian
Berlopak-lopak bak sawah
Berumpuk seorang satu
Berpunya masing-masing.

Ertinya, tugas dan tanggungjawab seseorang ketua yang ditetapkan batas-batasnya supaya tugas dan tanggungjawab seseorang itu tidak berkecambuk yang boleh melangkah sempadan orang lain (bentuk-bentuk dan tugas seseorang itu akan saya terangkan dalam siri lain nanti, insya-Allah). Kerana itulah pepatah yang terungkap di atas diciptakan untuk menjadi garis



Oleh:
TAN SRI SAMAD IDRIS

panduan kepada mereka yang memegang teraju adat.

Setiap pemegang teraju adat ini dimestikan mematuhiinya demi untuk menjaga kebijakan dan kesentosaan serta rukun hidup

yang aman damai. Dalam pepatahnya jelas diungkapkan:

*Terkena ke mata jangan dikenyetkan (dilelapkan)
Terkena ke perut jangan dikempiskan*

Dalam memberi pertimbangan dan menghukum pula jangan sampai seperti:

*Limau masam sebelah
Perahu karam sekerat*

Kedua-dua rangkap pepatah ini jelas menggambarkan seseorang ketua itu hendaklah berlaku adil dan tidak berat sebelah dalam menjalankan tanggungjawab selaku seorang ketua yang bertanggungjawab.

Seseorang ketua itu tidak boleh menghukum seseorang yang didapati melakukan kesalahan berdasarkan pertimbangan keluarga. Umpamanya seorang dari keluarganya melakukan kesalahan maka hukuman yang dijatuhkan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan atau mungkin dilepaskan begitu saja. Jika seseorang ketua melakukan demikian maka ia telah melanggar hukum-hukum adat yang sebenar adat iaitu 'biar mati anak jangan mati adat' itu.

Begini juga jika ada laba atau keuntungan

yang didapati, pembahagiannya hendaklah sama rata menurut ketentuannya, tidak seperti apa yang disebutkan seperti:

Puar condong ke perut

(Puar adalah sejenis pokok yang batangnya kira-kira sebesar ibu kaki berdaun panjang - panjang kira-kira sehasta atau lebih, bentuknya seperti daun kunyit. Pokok puar ini batangnya tidak ada yang tegak atau lurus melainkan semuanya condong dan melentik belaka. Dari sinilah pepatah ini diciptakan).

Ertinya ketua yang berkenaan membahagikan keuntungan atau faedah yang didapati dilebihkan kepada keluarganya saja pada hal orang lain yang bukan keluarga sepatutnya juga mendapat faedah yang sama banyak.

Pepatah ini juga sesuai untuk diambil perhatian oleh mereka yang mahu mengambil perhatian di zaman kita ini, kerana perkara-perkara yang berlaku lebih banyak dan lebih mencabar lagi jika dibandingkan dengan zaman pepatah ini diciptakan beratus-ratus tahun yang lalu, ia kelihatannya sesuai sepanjang zaman.